

# Samy Vellu 'berang' isu hospital

Um - 21/3/2007

KUALA LUMPUR 20 Mac - Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini 'berang' dengan tindakan pihak pembangkang yang terus menyalahkan kementeriaannya sebagai punca kelewatan pembinaan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Star.

Beliau memberitahu, kelewatan itu disebabkan kerja tambahan yang perlu dilakukan atas permintaan 'pihak atas' yang mahukan ia menjadi hospital pakar seperti Institut Jantung Negara (IJN).

"Tambahan kerja tak kira. Ambil kira kontrak asal sahaja, akhirnya kita tembak JKR (Jabatan Kerja Raya).

"Jadi bangunan ini (HSB) bercampur dengan IJN. Selepas itu kita bina Wad Diraja, macam-macam kerja telah ditambah," katanya menjawab soalan tambahan **Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong)** pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

HSB bernilai RM500 juta yang akan menggantikan Hospital Alor Star (HAS) sepatutnya siap pada 2003 namun akibat beberapa masalah termasuk dakwaan pelan yang sentiasa berubah menyebabkan projek itu lambat siap.

Hospital itu hanya diserahkan oleh JKR kepada Kementerian Kesihatan pada 15 Mac lalu dan ia dijangka beroperasi sepenuhnya dalam tempoh enam bulan.

Menurut beliau, pembinaan hospital itu di kawasan tanah sawah juga merupakan antara faktor kelewatan pembinaannya dari tarikh asal.

"Kawasan tanah ini lembik dan tiang asas perlu masuk 36.5 meter, itu sahaja perlu masa setahun supaya benar-benar kukuh, bukan kita beli tanah itu, orang bagi tanah kita buatlah," katanya.

Dalam pada itu, menjawab soalan asal Seng Giaw, Samy Vellu menjelaskan, satu perbincangan telah diadakan antara JKR dan kontraktor, Lebuhraya Lingkaran Tengah (MRR2) bagi membuat tuntutan bayaran pembaikan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Kalau kita tunggu bayaran daripada kontraktor itu dalam tempoh tiga tahun lagi pun belum tentu jambatan dapat disiapkan," jelasnya.

Beliau menambah, perbincangan itu dijangka hanya akan selesai dalam tempoh tiga bulan kerana JKR perlu menganalisis setiap bahagian tiang bagi mengetahui jumlah tuntutan yang boleh dibuat.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA